

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXVII)1

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

1. Apakah status terkini Projek Tebatan Banjir Taman Bunga Raya dan Taman Sin Tat, Butterworth setelah melalui pindaan melibatkan parit monsun bypass di Jalan Thamby Kecil?
 - (a) Apakah rancangan mitigasi bagi mengurangkan risiko banjir kilat di kawasan berkenaan?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

1. Projek Tebatan Banjir Taman Bunga Raya Fasa 1 telah siap dilaksanakan pada Disember 2023. Manakala, bagi pelaksanaan Fasa 2, status terkini adalah di peringkat lantikan perunding bagi penyediaan reka bentuk terperinci.
 - (a) Cadangan awalan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) berhubung rancangan mitigasi bagi mengurangkan risiko banjir kilat di kawasan berkenaan adalah seperti berikut:-
 - (i) Menaiktaraf parit di dalam taman perumahan; dan
 - (ii) Membina rumah pam di parit monsun.

Walau bagaimanapun, cadangan ini masih belum dimuktamadkan dan bergantung kepada pembentangan cadangan reka bentuk terperinci oleh perunding kepada MBSP tidak lama lagi.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXVII)2

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

2. Nyatakan status terkini kerja-kerja naik taraf sistem perparitan sedia ada di Taman Lucky, Butterworth.
 - (a) Senaraikan skop kerja-kerja pembinaan yang terlibat di kawasan berkenaan.

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

2. Status terkini kerja-kerja naik taraf sistem perparitan sedia ada di Taman Lucky, Butterworth adalah diperingkat kajian dan penyediaan cadangan konsep oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP).
 - (a) Skop kerja-kerja pembinaan yang terlibat di kawasan berkenaan akan dimuktamadkan setelah kajian siap dilaksanakan dan tertakluk kepada kos yang diluluskan melalui permohonan peruntukan naik taraf kelak.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXVII)3

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

3. Berapakah jumlah tangkapan berhubung kes kecurian kabel Telekom Malaysia (TM) di sekitar kawasan Parlimen Bagan sejak bulan Januari 2024 hingga bulan April 2025?
- (a) Apakah faktor yang menyebabkan aktiviti kecurian kabel ini terus berleluasa?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

3. (a) Sepanjang tempoh Januari 2024 hingga April 2025, sebanyak sembilan (9) kes kecurian kabel telah direkodkan di sekitar Butterworth, Pulau Pinang seperti di jadual berikut:

Bil.	Lokasi	Tarikh	No. Laporan Polis
1.	Jalan Kilat, Bagan Jermal	26 Mac 2024	BUTTERWORTH/002149/24
2.	Lorong Perusahaan Sungai Lokan 6 (ACKU Metal Industries Sdn. Bhd.)	26 Mac 2024	SG DUA/000728/24
3.	Jalan Ong Yi How, Raja Uda	29 April 2024	MAK MANDIN/001231/24
4.	Jalan Telaga Air/ Simpang Tiga Lorong Kubur	23 Julai 2024	BUTTERWORTH/005178/24
5.	Lorong Perusahaan Sungai Lokan 7 (ACKU Metal Industries Sdn. Bhd.)	13 Ogos 2024	MAK MANDIN/001231/24
6.	Hadapan Mahkamah Seksyen, Butterworth Jalan Bagan Jermal	4 September 2024	BUTTERWORTH/006522/24

7.	Jalan Permatang Pauh	30 Disember 2024	BUTTERWORTH/009539/24
8.	Jalan Sri Pinang 1, Taman Sri Pinang	27 Februari 2025	SG DUA/ 000550/25
9.	Tingkat Kenanga, Jalan Raja Uda	21 Mac 2025	BUTTERWORTH/002575/25

Pada 8 Januari 2025, Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah berjaya melakukan tangkapan ke atas seorang suspek lelaki melibatkan aktiviti memotong dan mencuri kabel. Rampasan yang dibuat adalah kabel jenis IB 10PR/0.5 sepanjang 30m (meter) dan IB 100PR/0.5 sepanjang 76m. Tangkapan ini merupakan hasil tindakan pantas berdasarkan maklumat orang awam serta rondaan aktif oleh Pasukan Keselamatan Sukarela Pulau Pinang (PKSPP).

- (i) Antara faktor yang menyebabkan aktiviti kecurian kabel ini terus berleluasa adalah:
- 1) Nilai tinggi logam tembaga yang menjadikannya sasaran utama untuk dicuri;
 - 2) Permintaan tinggi daripada pihak industri yang tidak beretika menyebabkan pasaran gelap bagi logam tersebut kekal wujud; dan
 - 3) Masalah sosioekonomi yang mendorong sesetengah individu mengambil jalan mudah dengan terlibat dalam jenayah.

Bagi menangani dan mencegah kejadian serupa daripada berulang, Unit Keselamatan TM Technology Services Sdn. Bhd Pulau Pinang telah melaksanakan langkah-langkah seperti berikut:

- (i) Melaksanakan rondaan pencegahan secara berkala melalui vendor keselamatan Telekom Malaysia (TM), iaitu Syarikat Active Network Services; dan
- (ii) Menjalin kerjasama erat bersama PKSPP dalam usaha rondaan dan kawalan keselamatan di lokasi-lokasi berisiko tinggi.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXVII)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

4. Bilakah kerja-kerja menimbus dan membina semula kawasan jalan mendap di Jalan Bagan Lalang yang berkemungkinan disebabkan oleh pemadatan yang tidak sempurna oleh pihak IWK akan dilaksanakan?
- (a) Berapakah anggaran kos pelaksanaan kerja-kerja pembaikan berkenaan?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

4. (a) Pemendapan jalan di Jalan Bagan Lalang berdekatan dengan kawasan pembaikan paip pembedung yang rosak disebabkan oleh kejadian lubang benam telah diselesaikan pada pertengahan tahun 2023.

Walau bagaimanapun, disebabkan oleh keadaan tanah yang lemah dan pergerakan trafik yang tinggi, penurapan semula yang dilaksanakan tidak dapat menampung bebanan tersebut. Justeru, kaedah penurapan semula yang asal telah disemak dan digantikan dengan reka bentuk baharu yang lebih sesuai bagi menyesuaikan dengan keadaan tanah dan trafik semasa. Kerja-kerja penurapan semula dijangka akan siap pada 20 Mei 2025 dengan anggaran kos sebanyak RM55,000.00.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXVII)5

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

5. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk melaksanakan pelebaran jalan dan penambahan lorong di persimpangan lampu isyarat Jalan Kampung Benggali, Sungai Puyu bagi tujuan mengurangkan kesesakan lalu lintas yang teruk?
- (a) Apakah langkah jangka pendek bagi mengatasi kesesakan lalu lintas di kawasan berkenaan pada waktu kemuncak?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

5. Pada masa kini, Kerajaan Negeri masih belum mempunyai apa-apa perancangan untuk melaksanakan pelebaran jalan dan penambahan lorong di persimpangan lampu isyarat Jalan Kampung Benggali, Sungai Puyu. Hasil tinjauan yang dibuat mendapati bahawa kesesakan di kawasan tersebut hanya berlaku pada waktu puncak sahaja dan bersifat sementara sahaja. Namun begitu, Kerajaan Negeri akan sentiasa memantau keadaan ini dari semasa ke semasa.
- (a) Langkah jangka pendek bagi mengatasi kesesakan lalu lintas di kawasan berkenaan pada waktu kemuncak adalah dengan melaksanakan satu kajian trafik yang menyeluruh bagi mengenal pasti kaedah penyuraian trafik yang lebih praktikal dan kos efektif.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXVII)6

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

6. Apakah status terkini rancangan pelaksanaan Program *Rent To Own* (RTO) di Program Perumahan Rakyat (PPR) Taman Bagan Jaya, Butterworth?
 - (a) Bilakah program RTO di PPR Taman Bagan Jaya dijangka dapat dimulakan?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

6. Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) telah mengadakan satu sesi libat urus bersama penduduk Program Perumahan Rakyat (PPR) Taman Bagan Jaya pada 18 Ogos 2024 yang lalu untuk membincangkan cadangan penukaran Skim Sewaan kepada Skim Perumahan Sewa Beli (*Rent to Own* - RTO). LPNPP juga dalam pada masa yang sama telah memberikan peluang serta tempoh masa kepada penduduk untuk menyelesaikan tunggakan sewa hingga Disember 2024. Namun demikian, sehingga tarikh 31 Mac 2025, jumlah tunggakan sewa keseluruhan di PPR Taman Bagan Jaya, Butterworth masih berbaki sebanyak RM1,408,730.00 dan jumlah ini menunjukkan *trend* kutipan sewa semasa yang masih rendah dan tidak memberangsangkan.
 - (a) Cadangan pelaksanaan program RTO ini perlu dikaji semula memandangkan terdapat beberapa isu berbangkit yang perlu diteliti termasuk kaedah penyelesaian tunggakan dan *trend* pembayaran sewa, kos pelantikan juru ukur tanah dan arkitek bagi pengeluaran hak milik strata serta keperluan kajian semula terhadap integriti struktur dan jangka hayat bangunan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXVII)7

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

7. Senaraikan sekolah-sekolah yang akan terjejas semasa pelaksanaan projek menaik taraf Loji Rawatan Kumbahan Serantau di Mak Mandin (SPI1128).
- (a) Apakah langkah-langkah kawalan yang akan dilaksanakan Jabatan Perkhidmatan Pembedungan (JPP) bagi memastikan keselamatan setiap pelajar terjamin?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

7. Pelaksanaan projek menaik taraf Loji Rawatan Kumbahan Serantau di Mak Mandin (SPI1128) dan pembinaan rangkaian paip pembedungan dalam kawasan tadahan Butterworth Utara, Pulau Pinang akan menyediakan akses kepada 250,000 penduduk setara di kawasan tadahan pembedungan Butterworth Utara. Sistem pembedungan sedia ada dan pada masa hadapan boleh disambungkan ke loji rawatan kumbahan ini apabila projek ini disiapkan kelak.

Di bawah pelaksanaan projek ini, pihak Kerajaan turut menyahtauliahkan sistem pembedungan sedia ada di premis-premis Kerajaan termasuk sekolah. Melalui program ini, tiada keperluan kepada pemilik premis untuk melakukan penyelenggaraan ke atas sistem rawatan kumbahan di dalam premis dan aliran kumbahan akan disambungkan kepada Loji Rawatan Kumbahan Serantau SPI1128 yang akan menyediakan sistem rawatan kumbahan yang lebih efisien serta dapat mematuhi piawaian pelepasan efluen yang ditetapkan Jabatan Alam Sekitar.

Enam (6) sekolah yang akan terkesan semasa pelaksanaan projek menaik taraf loji tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Sekolah Kebangsaan Sg. Puyu;
 - (ii) Sekolah Menengah Kebangsaan St. Mark;
 - (iii) Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Onn;
 - (iv) Sekolah Kebangsaan Bagan Ayam;
 - (v) Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Mak Mandin; dan
 - (vi) Sekolah Kebangsaan Bagan Jermal.
- (a) Bagi menjayakan pelaksanaan program ini, pihak Jabatan Perkhidmatan Pembetungan (JPP) sebagai agensi pelaksana projek bersama-sama dengan kontraktor reka dan bina yang dilantik Kerajaan akan mengadakan perbincangan dan mendapatkan persetujuan pihak sekolah berkenaan reka bentuk jajaran paip pembetungan di dalam kawasan premis sekolah serta penetapan waktu kerja yang bersesuaian.

Kerja-kerja pembinaan akan dipastikan mematuhi kawalan keselamatan yang ditetapkan menerusi Pelan Pengurusan Trafik (TMP) serta Pelan Keselamatan Projek. Kawasan pembinaan akan dihadang atau ditutup kepada orang awam termasuk murid-murid sekolah bagi menghalang kemasukan pihak tidak berkenaan semasa pelaksanaan projek. Papan tanda keselamatan turut akan dipasang di kawasan pembinaan tersebut.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXVII)8

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

8. Adakah 21 loji rawatan kumbahan (STP) yang telah dinyahtauliah akan diserahkan kepada Kerajaan Negeri bagi tujuan pembangunan untuk projek-projek KADUN seperti penyediaan sebagai kawasan parkir tambahan dan dewan komuniti?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

8. Terdapat dua (2) kategori bagi loji rawatan kumbahan (LRK) yang dinyahtauliah iaitu D1 (*Decommissioned Active*) dan D2 (*Decommissioned Non-active*). LRK berstatus D1 adalah tapak yang sudah dinyahtauliah tetapi masih terdapat struktur binaan, masih belum batal pajak serta masih diselenggara oleh Indah Water Konsortium (IWK). Manakala, LRK berstatus D2 adalah tapak yang sudah dinyahtauliah tetapi sudah tiada struktur binaan, sudah batal pajak serta tidak lagi diselenggara oleh IWK.

LRK berstatus D1 yang telah dinyahtauliah masih mengandungi saluran pembetung aktif di dalam sempadannya. Keadaan ini adalah akibat daripada reka bentuk sistem pembetung yang lama di mana beberapa saluran akan melalui LRK tersebut, tidak seperti reka bentuk satu saluran bagi LRK-LRK baharu. Justeru, IWK akan mengekalkan dan menyelenggara LRK ini.

LRK berstatus D2 pula akan diserahkan semula kepada pemilik tanah iaitu Jabatan Perkhidmatan Pembetungan (JPP) yang bertanggungjawab terhadap urusan perancangan masa hadapan selanjutnya. Buat masa ini, JPP tidak mempunyai perancangan untuk menyerahkan tapak-tapak ini kepada Kerajaan Negeri bagi tujuan pembangunan projek-projek awam. Sebarang permohonan

pengambilan balik tanah hendaklah melalui proses dan saluran seperti yang telah termaktub di dalam Kanun Tanah Negara (KTN).

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXVII)9

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

9. Senaraikan rancangan pemajuan oleh Jabatan Perkhidmatan Pembetungan (JPP) dan IWK di 21 loji rawatan kumbahan (STP) yang telah dinyahtauliah di kawasan Parlimen Bagan.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

9. Terdapat dua kategori bagi loji rawatan kumbahan (LRK) yang dinyahtauliah iaitu D1 (*Decommissioned Active*) dan D2 (*Decommissioned Non-active*). LRK berstatus D1 adalah tapak yang sudah dinyahtauliah tetapi masih terdapat struktur binaan, masih belum batal pajak serta masih diselenggara oleh Indah Water Konsortium (IWK). Manakala, LRK berstatus D2 adalah tapak yang sudah dinyahtauliah tetapi sudah tiada struktur binaan, sudah batal pajak serta tidak lagi diselenggara oleh IWK.

LRK berstatus D1 yang telah dinyahtauliah masih mengandungi saluran pembetung aktif di dalam sempadannya. Keadaan ini adalah akibat daripada reka bentuk sistem pembetung yang lama di mana beberapa saluran akan melalui LRK tersebut, tidak seperti reka bentuk satu saluran bagi LRK-LRK baharu. Justeru, IWK akan mengekalkan dan menyelenggara LRK ini.

LRK berstatus D2 pula akan diserahkan semula kepada pemilik tanah iaitu Jabatan Perkhidmatan Pembetungan (JPP) yang bertanggungjawab terhadap urusan perancangan masa hadapan selanjutnya. Buat masa ini, JPP tidak mempunyai perancangan pemajuan di tapak-tapak LRK ini.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXVII)10

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**


10. Adakah Petronas telah menyerahkan maklumat berkaitan saluran paip gas bawah tanah di seluruh negeri ini kepada Unit Bencana Negeri Pulau Pinang dan PBT iaitu MBSP dan MBPP?
 - (a) Senaraikan lokasi saluran paip gas bawah tanah yang terdapat di seluruh Negeri Pulau Pinang.

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

10. Kerajaan Negeri melalui Unit Pengurusan Bencana telah menulis surat kepada pihak Petronas supaya menjalankan pemeriksaan secara menyeluruh ke atas saluran paip gas di Negeri Pulau Pinang sebagai langkah keselamatan dan pencegahan awal bagi mengurangkan risiko kejadian yang tidak diingini pada 11 April 2025 yang lalu. Dengan itu, satu keputusan telah dicapai oleh kedua-dua pihak iaitu, pihak Kerajaan Negeri dan pihak Petronas supaya satu Taklimat kepada Jabatan/Agensi berkepentingan dibuat pada 28 Mei 2025 ini melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Bil.1 Tahun 2025 yang akan dipengerusikan oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Dalam Mesyuarat tersebut kedua-dua Datuk Bandar Pihak Berkuasa Tempatan, iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) akan dijemput juga.

Maklumat berhubung dengan lokasi saluran paip gas bawah tanah yang terdapat di seluruh Negeri Pulau Pinang disertakan sebagai **LAMPIRAN A.**

PGU Pipeline in Pulau Pinang



No.	Lokasi jajaran perpaipan	Panjang saluran paip (kilometer)
1	Tie-In Point daripada stesen injap ML417, Lunas ke Stesen Janakuasa TNB Gelugor, Pulau Pinang NPS 24 Prai Lateral : (KP0-KP27)	27.0
2	Tie-In Point daripada stesen injap ML417, Lunas ke Stesen Janakuasa TNB Prai NPS 28 Prai (II) Lateral : (KP0-KP21)	21.0
3	Stesen injap M14, Lunas ke Petronas Dagangan Prai LPG Terminal NPS 8 TTM LPG: (KP0-KP21)	21.0
4	Bukit Tebuan – Jalan Sungai Baong, Sungai Bakap NPS 36 PGU III Sector 2: (KP277.5-KP288.8)	11.3
5	Taman Bidara, Bukit Mertajam NPS 36 PGU III Sector 2: (KP300-KP302)	2.0
6	Jalan Sg Lembu, Bukit Mertajam – Taman Selasih, Kulim NPS 36 PGU III Sector 2: (KP304-KP306.5)	2.5
7	Kg Lalang, Kubang Semang - Kg Perenggan NPS 36 PGU III Sector 2: (KP311-KP313)	2.0
8	Kg Sungai Korok, Tasek Gelugor– Kg Setui, Kepala Batas NPS 36 PGU III Sector 2: (KP323.5-KP327) NPS 8 TTM LPG: (KP324-KP327.5)	3.5 3.5

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXVII)11


**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

11. Senaraikan lokasi saluran paip gas tekanan tinggi yang berada pada jarak kurang daripada 100 meter dari kawasan rumah atau bangunan di kawasan Parlimen Bagan.
- (a) Apakah langkah kawalan pihak Petronas bagi memastikan kawasan perumahan atau bangunan berkenaan adalah selamat?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

11. Lokasi saluran paip gas tekanan tinggi di kawasan Parlimen Bagan disertakan sebagai **LAMPIRAN A**.
- (a) Pihak Petronas Gas Berhad komited untuk memastikan keselamatan dengan meneruskan pengurusan dan pengawasan di sepanjang rezab laluan paip gas. Di samping itu, Pemeriksaan teknikal oleh badan seperti *Standards and Industrial Research Institute of Malaysia* (SIRIM) dilakukan setiap tahun secara berkala.

PGU Pipeline in Pulau Pinang



No.	Lokasi jajaran perpaipan	Panjang saluran paip (kilometer)
1	Tie-In Point daripada stesen injap ML417, Lunas ke Stesen Janakuasa TNB Gelugor, Pulau Pinang NPS 24 Prai Lateral : (KP0-KP27)	27.0
2	Tie-In Point daripada stesen injap ML417, Lunas ke Stesen Janakuasa TNB Prai NPS 28 Prai (II) Lateral : (KP0-KP21)	21.0
3	Stesen injap M14, Lunas ke Petronas Dagangan Prai LPG Terminal NPS 8 TTM LPG: (KP0-KP21)	21.0
4	Bukit Tebuan – Jalan Sungai Baong, Sungai Bakap NPS 36 PGU III Sector 2: (KP277.5-KP288.8)	11.3
5	Taman Bidara, Bukit Mertajam NPS 36 PGU III Sector 2: (KP300-KP302)	2.0
6	Jalan Sg Lembu, Bukit Mertajam – Taman Selasih, Kulim NPS 36 PGU III Sector 2: (KP304-KP306.5)	2.5
7	Kg Lalang, Kubang Semang - Kg Perenggan NPS 36 PGU III Sector 2: (KP311-KP313)	2.0
8	Kg Sungai Korok, Tasek Gelugor– Kg Setui, Kepala Batas NPS 36 PGU III Sector 2: (KP323.5-KP327) NPS 8 TTM LPG: (KP324-KP327.5)	3.5 3.5

Laluan paip gas yang melalui kawasan berpenduduk



1. Kg Guar Perahu
2. Guar Jering



1. Kg Belah Dua
2. Kg Masjid Timah
3. UITM Penang
4. Taman Siakap
5. Kawasan Perindustrian Prai

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXVII)12

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

12. Adakah PBT bercadang untuk mensyaratkan setiap kawasan pembangunan baru termasuk kompleks membeli-belah mesti diwujudkan satu Pasukan Tindakan Kecemasan (ERT) dan peti pertolongan cemas sebagai persediaan bertindak semasa kejadian kecemasan dan bencana?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

12. Kemalangan atau kecemasan atau bencana boleh berlaku di mana-mana dan pada bila-bila masa saja tanpa diduga. Pasukan Bertindak Kecemasan (ERT) ialah kumpulan individu terlatih yang ditugaskan untuk bertindak balas terhadap situasi tersebut sebagai *First Responder* dalam memastikan tindakan awal dapat diambil bagi mengawal sebarang insiden kecemasan dengan kadar segera.

Buat masa kini, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) tidak mensyaratkan penubuhan ERT dan penyediaan peti pertolongan cemas di setiap kawasan pembangunan baharu termasuk kompleks membeli-belah.

Walau bagaimanapun, PBT boleh mempertimbangkan keperluan untuk mensyaratkan penubuhan ERT dan penyediaan peti pertolongan cemas bagi setiap pembangunan baru termasuk kompleks membeli-belah berdasarkan situasi dan keperluan semasa. Perkara ini perlu dikaji secara terperinci dan lebih lanjut berkaitan kebolehlaksanaannya.

Sebagai langkah alternatif, pihak PBT telah menyediakan garis panduan selaras dengan pengumuman Kementerian Kesihatan Malaysia yang mewajibkan pemasangan alat-alat defibrilator luaran automatik atau Automated External Defibrilator (AED) yang bertindak sebagai bantuan awal kepada orang ramai / awam sekiranya terkena serangan jantung di semua bangunan kerajaan di seluruh negara pada tahun 2025. Sebagai tambahan, fasiliti sukan, hub pengangkutan dan bangunan komersial termasuk kompleks membeli-belah turut diwajibkan pemasangan alat AED.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXVII)13

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

13. Adakah Kerajaan Negeri akan mensyaratkan setiap pusat membeli-belah dan dewan orang ramai untuk menyediakan Defibrilator Luaran Automatik (AED) bagi menyelamatkan pesakit yang diserang sakit jantung secara tiba-tiba di tempat awam?

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

13. Bagi pemasangan Defibrilator Luaran Automatik (AED) di Negeri Pulau Pinang, terdapat dua garis panduan sedia ada iaitu premis baru dan premis sedia ada. Pembangunan dan premis baru yang melibatkan kawasan sukan dan rekreasi, bangunan kerajaan, bangunan komersial, hub pengangkutan, kilang dan industri serta bangunan kediaman berstrata melebihi 100 unit adalah diwajibkan untuk memasang alat Defibrilator Luaran Automatik (AED) di premis masing-masing. Penyediaan alat AED akan disyaratkan dalam kelulusan kebenaran merancang dan pelan bangunan untuk dipasang sebelum Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) dikeluarkan. Manakala bagi pembangunan sedia ada atau premis sedia ada, pemasangan AED telah dikategorikan mengikut keutamaan seperti di **LAMPIRAN A**.

LAMPIRAN A

KATEGORI PREMIS YANG DISYARATKAN UNTUK MENYEDIAKAN KEMUDAHAN ALAT DEFIBRILATOR LUARAN AUTOMATIK (AED) DAN TEMPOH PELAKSANAAN BAGI PREMIS-PREMIS SEDIA ADA

Bil.	Jenis Kegunaan Bangunan	Keutamaan	Digalakan
1.	Sukan	Dewan Badminton	<i>Hiking Trails</i>
		Arena dan Kompleks Sukan	Laluan Berbasikal
		<i>Gymnasium & Fitness Centres</i>	Kawasan Sukan dan Rekreasi yang lain
2.	Bangunan Kerajaan /Awam	Pejabat-pejabat Kerajaan Persekutuan dan Negeri	Sekolah / Institusi Pengajian / Institusi Pengajian Tinggi
		Balai Rakyat, Dewan Rakyat, Dewan Komuniti dan Dewan Serba Guna	Rumah-rumah Ibadat
		Taman-taman Bandaraya dan Taman-taman Awam	-
3.	Bangunan Komersial	Pusat Membeli-belah / Pasar Raya / Pasar Raya Besar / Kompleks Komersial	Taman Hiburan
		Hotel	-
		Tempat Peranginan / Tempat Tarikan Pelancong	-
4.	Hub Pengangkutan	Lapangan Terbang Antarabangsa	-
		Terminal Kapal Persiaran	-
		Terminal Feri Terminal Bas Ekspres	-
5.	Kilang dan Bangunan Industri		-
6.	Kediaman / Bangunan Berstrata melebihi 100 unit		-

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXVII)14

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

14. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menambah syarat yang lebih ketat bagi sebarang rancangan pembinaan bangunan tinggi dan bertingkat ekoran kejadian gempa bumi yang melanda Myanmar dan Thailand pada baru-baru ini sehingga menyebabkan runtuh bangunan dan mengorbankan nyawa?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

14. Ekoran kejadian gempa bumi yang melanda Myanmar dan Thailand berlaku pada bulan Mac baru-baru ini, Kerajaan Negeri telah mengarahkan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) untuk mengkaji dan membincang isu ini dalam mesyuarat SPEAD agar satu garis panduan dan hala tuju yang baru dapat diwujudkan bagi memastikan struktur bangunan di Negeri Pulau Pinang mampu mempertahankan ancaman bencana gempa bumi terutamanya bangunan tinggi.

Susulan daripada itu, MBPP pada 6 Mei 2025 telah memaklumkan dan menegaskan kepada semua ahli mesyuarat SPEAD tentang kepentingan pengesahan oleh jurutera professional bertauliah dalam setiap reka bentuk dan pembinaan struktur bangunan yang dikemukakan kepada pihak berkuasa tempatan. Bagi mana-mana bangunan yang dibina adalah perlu mematuhi Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1986 (Pindaan Disember 2016) yang mensyaratkan bahawa semua reka bentuk struktur bangunan rintangan gempa bumi hendaklah mematuhi standard-standard reka bentuk semasa, termasuk ***MS EN 1988 – Design of Structures for Earthquake Resistance***, bagi memastikan keselamatan, kestabilan

dan pematuhan kepada keperluan teknikal yang ditetapkan oleh undang-undang.

Bagi MBSP pula, pihak MBSP juga mengambil maklum berkenaan kebimbangan terhadap gegaran yang berpunca daripada kejadian gempa bumi yang berlaku pada bulan Mac yang lalu. Isu ini akan dibawa untuk perbincangan lanjut dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal (SPEAD) yang dijadualkan pada bulan Jun bagi mendapatkan pandangan serta syor daripada pihak-pihak berkepentingan termasuk pakar teknikal. Untuk makluman, semua bangunan bertingkat di Seberang Perai pada masa ini direkabentuk berdasarkan piawaian kejuruteraan semasa seperti Eurocode (contohnya MS EN 1991-1-4: Actions on structures – Wind actions) dan Garis Panduan Amalan Jurutera Profesional Malaysia (IEM Practice Notes). Piawaian ini mensyaratkan agar beban angin diambil kira dalam reka bentuk struktur bagi memastikan kestabilan dan keselamatan bangunan. Secara umumnya, struktur yang direkabentuk untuk menahan beban angin ini adalah cukup teguh dan berdaya tahan untuk menghadapi gegaran kecil atau sederhana, khususnya yang berpunca dari aktiviti seismik luar negara seperti di Bangkok dan Medan. Walau bagaimanapun, reka bentuk seismik (earthquake design) khusus hanya diwajibkan di kawasan yang dikenal pasti sebagai zon aktif gempa bumi oleh Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG).

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXVII)15

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

15. Senaraikan indeks kualiti air seperti yang dikelaskan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) untuk Sungai Kereh sejak bulan Januari tahun 2024 hingga April 2025.
- (a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri bagi menyelesaikan masalah pencemaran air Sungai Kereh dan berbau busuk yang berpunca daripada aktiviti ternakan ladang khinzir di Kampung Selamat?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

15. Indeks Kualiti Air (IKA) bagi Sungai Kereh dari Januari 2024 hingga April 2025 kekal berada dalam kelas III. Namun begitu, Sungai Kereh telah diklasifikasikan sebagai sungai tercemar bagi tahun 2024 dengan parameter pencemar dominan dikenal pasti sebagai *Nitrogen Ammonia* (AN).

Selain itu, Jabatan Alam Sekitar (JAS) Pulau Pinang sentiasa menjalankan pemantauan secara berkala terhadap pelepasan efluen atau air buangan daripada industri, projek pembangunan serta mana-mana punca lain yang tertakluk di bawah peruntukan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

- (a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah melaksanakan pelbagai langkah bagi menangani pencemaran air Sungai Kereh yang berpunca daripada penternakan babi di Kampung Selamat. Antaranya adalah menerusi;
- i. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pulau Pinang (JPVPP) mewajibkan semua ladang menyediakan alat

pengasingan sisa pepejal dan kolam kumbahan berperingkat serta menjalankan pemantauan kualiti air kumbahan. Kompaun minimum RM5,000 dikenakan bagi pelanggaran parameter atau pelepasan kumbahan terus ke saliran awam. Program Bantuan Unit Mekanisasi dan Automasi Sektor Penternakan (UMAS) sejak 2024 turut membantu mengurangkan pencemaran bau, manakala projek rintis *Quantum Thermal Pyrolysis Cracking* sedang dibangunkan untuk pengurusan sisa tinja secara lestari dan dijangka siap Jun 2025; dan

- ii. Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) pula menyokong usaha ini dengan menyekat lesen premis bagi ladang yang tidak berlesen, menyertai Jawatankuasa Pelesenan Ladang Babi, serta melaksanakan tindakan penguatkuasaan bersama JPVPP berdasarkan prinsip *double action*.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXVII)16

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

16. Nyatakan berapa kali setahun sungai-sungai yang sedia ada di KADUN Sungai Puyu seperti Sungai Tok Sani, Sungai Bagan Lalang dan Sungai Perai dijalankan kerja-kerja penyelenggaraan, pembersihan dan pendalaman sungai.
- (a) Berapakah kos perbelanjaan kerja-kerja tersebut untuk setiap sungai?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

16. Kerja-kerja penyelenggaraan dilaksanakan secara berkala sebanyak lima (5) pusingan bagi kerja pemotongan rumput di Sungai Tok Sani dan Sungai Bagan Lalang. Sementara itu, kerja-kerja pembersihan dan pendalaman di Sungai Tok Sani dan Sungai Bagan Lalang dijalankan setiap tahun memandangkan kawasan tersebut merupakan kawasan *hotspot* banjir. Kerja-kerja penyelenggaraan Sungai Perai tidak dapat dijalankan kerana ketiadaan ruang penyelenggaraan untuk menjalankan kerja-kerja di kawasan tersebut.
- (a) Peruntukan bagi kerja-kerja penyelenggaraan berkala adalah sebanyak RM105,211.00 bagi lima (5) pusingan setahun, manakala peruntukan bagi kerja-kerja pembersihan dan pendalaman (desilting) sungai adalah sebanyak RM40,000.00 setahun.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXVII)17

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

17. Sejauh manakah keberkesanan penggunaan aplikasi ePINTAS dalam kalangan masyarakat di negeri ini?
- (a) Berapakah jumlah aduan yang diterima melalui aplikasi ePINTAS sejak bulan Januari hingga April 2025?
 - (b) Daripada jumlah itu, berapakah tempoh masa yang diambil untuk menyelesaikan setiap aduan?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

17. Sebanyak 197 daripada 213 aduan (92.49%) yang diterima sejak awal tahun sehingga April 2025 telahpun diselesaikan dalam tempoh 15 hari bekerja. Untuk baki 16 aduan masih dalam siasatan jabatan/agensi berkenaan.
- (a) Sehingga 28 April 2025, 213 aduan telah diterima melalui sistem ePINTAS.
 - (b) Daripada 213 aduan yang diterima, sebanyak 197 aduan telah diselesaikan seperti jadual di bawah:

TEMPOH	JUMLAH SELESAI
1 Hari	36
2 – 5 Hari	71
6 – 10 Hari	61
11 – 15 Hari	29
JUMLAH	197

Baki 16 aduan masih dalam tindakan jabatan/ agensi yang berkaitan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXVII)18

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

18. Apakah status terkini pembangunan tanah perkuburan Islam bagi kawasan Kariah Masjid Mak Mandin, Butterworth yang terletak bersebelahan Rumah Pangsa Ampang Jajar?
- (a) Bilakah kerja-kerja pembangunan tanah akan mula dilaksanakan?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

18. Tanah perkuburan Islam bagi kawasan Kariah Masjid Mak Mandin, Butterworth di PT 637, HS(D) 45564, Seksyen 3, Bandar Butterworth, Seberang Perai Utara (SPU) telah didaftarkan atas nama Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) pada 1 Jun 2024.

Tanah perkuburan ini telah diserahkan kepada Jawatankuasa Kariah Masjid At-Taqwa Mak Mandin pada 2 Ogos 2024. Selain itu, pihak jawatankuasa telah membelanjakan RM17,000.00 untuk pembersihan kawasan tersebut. Pada Januari 2025, surat kebenaran kutipan dana wakaf telah diperolehi dari pihak MAINPP untuk membolehkan pihak Jawatankuasa mengumpul dana pembangunan tanah perkuburan tersebut. Sehingga kini, dana terkumpul adalah sebanyak RM30,000.00 berbanding kos yang diperlukan adalah sebanyak RM500,000.00. Hal ini kerana tanah sedia ada perlu ditambun pada kedalaman 2 kaki berikutan keadaan tanah yang tidak sesuai dan terdapat sampah berikutan tapak berkenaan sebelum ini merupakan tempat pembuangan sampah.

- (a) Kerja-kerja pembangunan tanah akan mula dilaksanakan setelah dana yang diperlukan mencukupi.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXVII)19

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

19. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk melaksanakan pembangunan semula kediaman Rumah Pangsa Taman Mesra, Bagan Lalang bagi tujuan menyelesaikan pelbagai isu setempat termasuk kegagalan mendapatkan status hak milik strata yang berlarutan puluhan tahun?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

19. Projek Perumahan Taman Mesra, Bagan Lalang merupakan projek perumahan di bawah program penswastan Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang melibatkan 23 blok rumah kediaman kos rendah berbilang tingkat, merangkumi sebanyak 816 petak di atas tanah seluas 7.36 ekar yang terletak di Mukim 14, Daerah Seberang Perai Utara.

Permohonan hak milik strata bagi skim perumahan ini sepatutnya dilaksanakan oleh pihak pemaju melalui Jurukur Tanah Berlesen (JTB) yang dilantik. Namun begitu, sehingga kini, hak milik strata masih belum didaftarkan dan dikeluarkan memandangkan syarikat pemaju, Pembangunan Mesra Sdn. Bhd. telah digulungkan pada 6 September 2018. Berdasarkan beberapa siri perbincangan bersama agensi-agensinya berkaitan, didapati bahawa proses pengeluaran hak milik strata adalah amat rumit dan memerlukan kos yang tinggi yang tidak mampu ditanggung oleh Badan Pengurusan Bersama (*Joint Management Body* - JMB) mahupun penduduk.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang, melalui Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) memandag serius permasalahan

yang dihadapi oleh penduduk Rumah Pangsa Taman Mesra khususnya berkaitan ketiadaan hak milik strata. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri bercadang dan merancang untuk melaksanakan projek pembangunan semula kediaman ini sebagai sebahagian daripada inisiatif Pembaharuan Semula Bandar (PSB).

Cadangan pelaksanaan PSB bagi Taman Mesra ini telah dimasukkan dalam Pelan Induk Perancangan Pembangunan Rumah Mampu Milik 2021–2025 di bawah *Rolling Plan 5* (RP5) Tahun 2025. Cadangan ini telah dibentangkan dan diperakukan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Rumah MutiaraKu Bilangan 1 Tahun 2025 pada 25 Mac 2025 serta diluluskan oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah LPNPP Bilangan 1 Tahun 2025 pada 21 April 2025.

Pelaksanaan PSB ini bukan sahaja berpotensi menyelesaikan isu hak milik strata, malah akan memperbaharui kediaman sedia ada secara menyeluruh. LPNPP juga telah mengenal pasti kawasan tanah lapang (Lot 1388 dan Lot 2296) sebagai tapak cadangan untuk pembangunan unit gantian sebelum blok-blok kediaman sedia ada dibangunkan semula secara berfasa. Pada masa ini, LPNPP sedang dalam proses melantik JTB bagi memulakan kerja-kerja awal PSB ini.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXVII)20

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

20. Apakah hasil kajian lalu lintas PBT berhubung cadangan pemasangan lampu isyarat di persimpangan Jalan Raja Uda dan Kampung Permatang Tengah dengan Lebuh Raya Lingkaran Luar Butterworth (BORR) untuk mengurangkan kesesakan trafik di kawasan berkenaan?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

20. Cadangan pemasangan lampu isyarat di persimpangan Jalan Raja Uda dan Kampung Permatang Tengah dengan Lebuh Raya Lingkaran Luar Butterworth (BORR) adalah **tidak sesuai untuk dilaksanakan** berdasarkan hasil kajian lalu lintas yang dijalankan oleh pihak Lembaga Lebuh Raya Malaysia (LLM). Hal ini kerana cadangan tersebut dijangka akan menyebabkan kesesakan yang lebih teruk di laluan utama lebuh raya terutamanya pada waktu puncak.

Persimpangan *left-in* dan *left-out* ke arah Jalan Raja Uda dan Kampung Permatang Tengah masih dibenarkan daripada laluan utama Lebuh Raya Lingkaran Luar Butterworth dan bagi menambahbaik persimpangan di Jalan Raja Uda, *triangle island* (*ghost island*) telah dilaksanakan di tapak.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XXVII)21

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

21. Nyatakan sungai-sungai yang terlibat dengan Dasar 3M (membersihkan, membesarkan dan mendalamkan) di seluruh Negeri Pulau Pinang dan jadual pelaksanaannya.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

21. Terdapat sejumlah 146 sungai/anak sungai yang terlibat dengan Dasar 3M (membersihkan, membesarkan dan mendalamkan) di seluruh Pulau Pinang. Senarai sungai/anak sungai tersebut dan bilangan pusingan kerja tahunannya adalah seperti di **LAMPIRAN A.**

LAMPIRAN A
SENARAI SUNGAI YANG TERLIBAT DENGAN DASAR 3M DI PULAU
PINANG MENGIKUT DAERAH

BIL.	NAMA SUNGAI	DAERAH	BIL. PUSINGAN/ TAHUN
1	Sungai Kechil	Timur Laut	11
2	Sungai Kelian	Timur Laut	11
3	Sungai Mas	Timur Laut	11
4	Sungai Batu Feringghi	Timur Laut	11
5	Sungai Satu	Timur Laut	11
6	Sungai Fettes	Timur Laut	11
7	Sungai Balik Batu	Timur Laut	11
8	Sungai Bagan Jermal	Timur Laut	11
9	Sungai Babi	Timur Laut	11
10	Parit Tanjung Pinang	Timur Laut	11
11	Sungai Pinang	Timur Laut	11
12	Sungai Jelutong	Timur Laut	11
13	Sungai Gelugor	Timur Laut	11
14	Sungai Dua Besar	Timur Laut	11
15	Sungai Relau	Timur Laut	11
16	Sungai Burung Bakau Tua	Seberang Perai Utara	2
17	Sungai Udang Bakau Tua	Seberang Perai Utara	2
18	Sungai Kedak	Seberang Perai Utara	2
19	Sungai Korok Permatang Bendahari	Seberang Perai Utara	2
20	Sungai Tembus	Seberang Perai Utara	2
21	Sungai Tembus Baru	Seberang Perai Utara	2
22	Sungai Titi Serdang	Seberang Perai Utara	1
23	Sungai Lahar Tiang	Seberang Perai Utara	1
24	Sungai Lahar Endin	Seberang Perai Utara	2

BIL.	NAMA SUNGAI	DAERAH	BIL. PUSINGAN/ TAHUN
25	Sungai Abdul	Seberang Perai Utara	1
26	Sungai Selarong gajah	Seberang Perai Utara	2
27	Sungai Puyu Kanan	Seberang Perai Utara	2
28	Sungai Bekah	Seberang Perai Utara	2
29	Sungai Kulim	Seberang Perai Utara	2
30	Sungai Perai	Seberang Perai Utara	2
31	Sungai Air Itam Dalam	Seberang Perai Utara	1
32	Sungai Kreh	Seberang Perai Utara	1
33	Sungai Kreh Tasek (Sungai Tasik)	Seberang Perai Utara	2
34	Sungai Orang Puteh (Sungai Putih)	Seberang Perai Utara	1
35	Sungai Lubuk Meriam	Seberang Perai Utara	1
36	Sungai Kreh Mati	Seberang Perai Utara	2
37	Sungai Jarak	Seberang Perai Utara	2
38	Sungai Tok Tongkat	Seberang Perai Utara	1
39	Sungai Bagan Lalang	Seberang Perai Utara	1
40	Sungai Maklom	Seberang Perai Utara	1
41	Sungai Alor Merah	Seberang Perai Utara	2
42	Sungai Puyu Kiri	Seberang Perai Utara	2
43	Sungai Lokan	Seberang Perai Utara	2
44	Parit Hogen/Sungai Lokan	Seberang Perai Utara	2
45	Sungai Bandar Air	Seberang Perai Utara	2
46	Sungai Pengkalan Machang	Seberang Perai Utara	2
47	Sungai Merbau Kudung	Seberang Perai Utara	2
48	Sungai Mat Arshad/Jalan Lama	Seberang Perai Utara	1

BIL.	NAMA SUNGAI	DAERAH	BIL. PUSINGAN/ TAHUN
49	Sungai Tok Sani	Seberang Perai Utara	1
50	Sungai Kecil Pokok Machang	Seberang Perai Utara	2
51	Sungai Teluk Bahang	Barat Daya	1
52	Sungai Teluk Awak	Barat Daya	1
53	Sungai Pinang	Barat Daya	1
54	Sungai Bagan Air Hitam	Barat Daya	1
55	Sungai Semagagah	Barat Daya	1
56	Sungai Air putih	Barat Daya	1
57	Sungai Pa' Long	Barat Daya	1
58	Sungai Rusa	Barat Daya	1
59	Sungai Titi Teras	Barat Daya	1
60	Sungai Kuala Jalan Baru	Barat Daya	1
61	Sungai Korok	Barat Daya	1
62	Sungai Burung	Barat Daya	1
63	Sungai Kongsi/Relau	Barat Daya	1
64	Sungai Pondok Upeh	Barat Daya	1
65	Sungai Buaya	Barat Daya	1
66	Sungai MRSM	Barat Daya	1
67	Sungai Nipah Balik Pulau	Barat Daya	1
68	Sungai Pulau Betung	Barat Daya	1
69	Anak Sungai Pulau Betung	Barat Daya	1
70	Sungai Teluk Kumbar	Barat Daya	1
71	Anak Sungai Teluk Kumbar	Barat Daya	1
72	Sungai Batas Besar	Barat Daya	1
73	Sungai Bayan Lepas	Barat Daya	1

BIL.	NAMA SUNGAI	DAERAH	BIL. PUSINGAN/ TAHUN
74	Sungai Tiram	Barat Daya	1
75	Anak Sungai Tiram	Barat Daya	1
76	Sungai Tiram Diversion	Barat Daya	1
77	Sungai Air Terjun	Barat Daya	1
78	Sungai Kampong Seronok	Barat Daya	1
79	Sungai Kampong Bukit	Barat Daya	1
80	Sungai Nipah (Batu Maung)	Barat Daya	1
81	Anak Sungai Nipah	Barat Daya	1
82	Sungai Mati	Barat Daya	1
83	Sungai Batu	Barat Daya	1
84	Sungai Keluang	Barat Daya	1
85	Sungai Ara	Barat Daya	1
86	Sungai Relau A	Barat Daya	1
87	Sungai Relau B	Barat Daya	1
88	Sungai Nibung Kecil	Barat Daya	1
89	Sungai Nibung Besar	Barat Daya	1
90	Sungai Dua Kecil	Barat Daya	1
91	Sungai Gertak Sanggul	Barat Daya	1
92	Sungai Gemuruh	Barat Daya	1
93	Sungai Sembilang	Barat Daya	1
94	Sungai Jawi	Seberang Perai Selatan	1
95	Sungai Bakap	Seberang Perai Selatan	1
96	Sungai Duri	Seberang Perai Selatan	1
97	Sungai Baung	Seberang Perai Selatan	1
98	Sungai Bakar Arang	Seberang Perai Selatan	1
99	Sungai Junjung	Seberang Perai Selatan	1
100	Sungai Tasek Junjung	Seberang Perai Selatan	1
101	Sungai Binjai	Seberang Perai Selatan	1

BIL.	NAMA SUNGAI	DAERAH	BIL. PUSINGAN/ TAHUN
102	Sungai Tasek Cempedak	Seberang Perai Selatan	1
